



# KONFERENSI AKADEMIK 2015

Pelestarian Warisan Melayu Mencetus Penambahan Ilmu

4 NOVEMBER 2015  
AL-BIRUNI, UiTM CAW. PAHANG



ISBN- 978-983-2607-46-5

UiTM Sentiasa  
Di Ku

30<sup>th</sup>  
Tahun  
UiTM  
Pahang

## Peranan Sahsiah dan Tatasusila dalam Melahirkan Generasi Cemerlang: Satu Tinjauan Umum

Maisarah Ishak<sup>1\*</sup>, Normilia Abd Wahid<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
maisarahishak@pahang.uitm.edu.my, normilia@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Proses pendidikan masa kini seringkali dikaitkan dengan unsur penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan jati diri pelajar. Selari dengan falsafah pendidikan Negara 1986 untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab, penekanan kepada nilai-nilai adab dan akhlak dalam sistem pendidikan merupakan satu mekanisme untuk membangunkan pelajar yang cemerlang. Pembinaan sahsiah dan peribadi mulia perlu kerana pelajar hari ini akan menjadi pemimpin pada masa hadapan yang menjadi tonggak pembangunan negara. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau tahap penghayatan nilai sahsiah para pelajar UiTM Pahang dari perspektif para pensyarah. Kajian ini melibatkan sejumlah 32 sampel kajian yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah UiTM Pahang yang mempunyai pengalaman serta tahun pengajaran yang berbeza mengikut fakulti serta jabatan masing-masing. Maklumat kajian diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada semua sampel yang terlibat. Melalui hasil kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memantapkan lagi amalan penghayatan nilai sahsiah dan tatasusila yang sedia ada bagi menjamin proses pengajaran serta pembelajaran yang berkualiti untuk melahirkan para graduan yang mempunyai nilai-nilai murni.

**Kata Kunci:** Nilai murni, Pendidikan, Sahsiah

### 1. Pengenalan

Penerapan sahsiah pelajar seharusnya berterusan dari peringkat awal pendidikan sehingga ke pengajian tinggi. Ini sangat membantu melahirkan rakyat Malaysia yang berketrampilan, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab. Namun begitu, situasi kini berlaku kemerosotan sahsiah dan tatasusila di kalangan pelajar di institut pengajian tinggi. Seringkali juga kegusaran di kalangan para pensyarah menjadi topik perbincangan. Menurut Nayan et al. (2011) kurangnya nilai hormat terhadap pensyarah boleh mengundang keruntuhan akhlak di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Kemerosotan ini dibimbangi akan menjadi penyebab kepincangan akhlak di kalangan pelajar, seterusnya melahirkan cerdik pandai yang tipis sifat amanah, dan bertanggungjawab. Dikhuatiri juga barisan pewaris kepimpinan negara ini akan terjebak dengan nilai negatif seperti rasuah, menipu dan tidak jujur. Sahsiah dan tatasusila juga memainkan peranan dalam mengharmonikan suasana pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik kuliah. Pelajar yang berdisiplin dan tahu menghormati pensyarah membantu proses pengajaran dan penerimaan ilmu yang lebih berkesan dan berkualiti. Oleh yang demikian, pengkaji ingin meninjau tahap penghayatan sahsiah dan tatasusila di kalangan pelajar dari persepsi pensyarah.

### 2. Kajian Literatur

Terdapat beberapa definisi maksud perkataan sahsiah yang dipetik daripada beberapa sumber. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2015), sahsiah adalah perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud keperibadian atau peribadi. Ia juga menggambarkan sifat personaliti unik individu yang membezakan dirinya dengan individu yang lain (Cloninger, 2008). Menurut Siti Fatimah (1993), sahsiah merujuk kepada sistem tingkah laku individu. Nasir et al. (2006),

menjelaskan pembangunan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu melibatkan pengetahuan agama, akidah, penghayatan al-quran, adab kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti dan pembangunan jiwa serta hati.

Manakala, tatsusila memberi pengertian adat sopan santun dan budi pekerti yang baik (Kamus Dewan edisi keempat, 2015). Sahsiah dan tatsusila memperlihatkan tentang corak peribadi atau personaliti seseorang dari semua aspek iaitu aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) yang mana kesemua aspek ini dapat mempengaruhi sikap atau perwatakan seseorang. Dalam membincangkan isu sahsiah pelajar, mereka tidak terkecuali daripada bersahsiah baik terhadap para pensyarah. Seorang pelajar yang sentiasa berpakaian kemas, bersopan-santun, rendah diri, ikhlas, penyayang dan berpengetahuan luas sudah tentu akan menjadi tumpuan di kalangan para pensyarah.

Sahsiah dan tatsusila pelajar bukan sahaja penentu kepada kejayaan sesebuah universiti, malah turut memberi kesan kepada masyarakat dan negara. Penekanan terhadap kepentingan akhlak mulia dalam kalangan pelajar turut dijadikan intipati utama falsafah pendidikan negara. Malah, terdapat banyak kajian dilaksanakan oleh para cendekiawan sebagai usaha mengenalpasti kaedah dalam melahirkan generasi yang cemerlang.

Nayan et al. (2011) dalam kajiannya yang dijalankan ke atas 30 orang pensyarah mendapati majoriti responden bersetuju bahawa para pelajar menunjukkan nilai-nilai positif seperti hormat menghormati, memberi salam, duduk dengan sopan di dalam kelas dan mendengar arahan pensyarah dengan baik. Namun terdapat juga segelintir pelajar yang menunjukkan perlakuan negatif seperti membuat bising di dalam kelas, menggunakan telefon bimbit di dalam kelas serta tidak mematuhi etika berpakaian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, perhatian dan tumpuan di dalam kelas perlu diterapkan kepada para pelajar kerana ia merupakan satu peribadi yang menyenangkan para pensyarah. Ini kerana pelajar yang memberi tumpuan dan perhatian dapat memahami dengan lebih baik sesuatu subjek yang dipelajari. Selain mereka disenangi oleh pensyarah, keberkatan ilmu akan diperolehi oleh pelajar tersebut untuk memperoleh kejayaan dalam pelajaran.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad et al. (2008) mendapati bahawa perlaksanaan akhlak dan nilai-nilai positif dalam kehidupan pelajar adalah pada tahap sederhana walaupun mereka mempunyai kefahaman yang baik terhadap agama. Hasil kajian juga mendapati masih ada segelintir pelajar yang menunjukkan nilai-nilai negatif seperti menggunakan kata-kata kesat dan mengisi masa lapang dengan perkara-perkara yang kurang berfaedah. Manakala, kajian yang dijalankan oleh Mohamad dan Esa (2013) berkaitan pembangunan sahsiah pelajar institut pengajian tinggi bagi menghasilkan graduan yang seimbang dan cemerlang mendapati bahawa pelajar yang berketerampilan, berdisiplin dan memiliki nilai-nilai murni dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka di alam pekerjaan.

Sahsiah diri melambangkan sikap dan peribadi seseorang. Sahsiah diri yang unggul dalam diri pelajar boleh membentuk generasi yang cemerlang. Pelajar yang sentiasa menjaga nama baik pensyarahnya, sentiasa menghormati dan menyayangi pensyarah mereka, dan sentiasa berlapang dada membantu rakan-rakan dalam pelajaran adalah contoh pelajar yang mempunyai sahsiah yang cemerlang. Pelajar yang cemerlang sahsiahnya mampu merealisasikan aspirasi negara. Mereka adalah pewaris tumpuk pemerintahan negara pada masa hadapan. Oleh itu amat penting generasi pelajar yang cemerlang sahsiah dan tatsusilanya dibentuk dan diterapkan sedari awal pendidikan dan di sepanjang proses pembelajaran mereka sehingga peringkat tertinggi. Galakan untuk membaiki sahsiah harus dipertingkatkan agar kehidupan seseorang itu akan lebih berkualiti (Nasir et al, 2006).

### **3. Kaedah Penyelidikan**

Bagi mencapai matlamat dan objektif kajian ini, kaedah pengumpulan data primer digunakan. Sumber utama data diperoleh melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 40 orang responden yang terdiri daripada pensyarah UiTM Pahang. Item-item dalam soal selidik

ini dibina berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nayan et al. (2011) dan telah diedarkan secara rawak menggunakan kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Sebanyak 32 borang soal selidik yang lengkap diisi telah dipulangkan oleh responden.

Soal selidik ini terbahagi kepada enam bahagian utama iaitu bahagian A merangkumi lima soalan yang berkaitan latar belakang atau demografi responden. Bahagian B mengandungi empat soalan berkaitan persepsi pensyarah terhadap penampilan mahasiswa UiTM Pahang. Bahagian C pula terdiri daripada lima soalan berkaitan persepsi pensyarah terhadap nilai hormat pelajar. Bahagian D mengandungi sembilan soalan berkaitan persepsi pelajar terhadap sahsiah pelajar di dalam kelas manakala bahagian E mengandungi lima soalan berkaitan persepsi pensyarah terhadap sahsiah pelajar di dalam kelas. Bahagian F mengandungi empat soalan berkaitan persepsi pensyarah terhadap peranan sahsiah dan tatususila dalam melahirkan generasi yang cemerlang.

Data-data yang diperolehi daripada responden dianalisis menggunakan kaedah analisis kuantitatif bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Maklumat yang diperoleh daripada soal selidik bagi kesemua bahagian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 (*Statistical Package For Social Science*). Skor bagi bahagian A akan dianalisis dengan menggunakan kaedah peratusan. Manakala bagi bahagian B hingga bahagian F dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif.

Analisa konsistensi dalaman (Cronbach  $\alpha$ ) telah digunakan untuk tujuan pengesahan ujian kebolehpercayaan bagi setiap bahagian penyelidikan. Menurut Sekaran (2000), semakin hampir nilai Cronbach alpha kepada nilai satu, semakin tinggi kebolehpercayaan konsistensi dalaman. Oleh itu, Jadual 1 menunjukkan nilai Cronbach alpha melebihi 0.6 (Nunally, 1978) di mana ia adalah tahap signifikan kesahan *convergensi*. Maka ia boleh diterimakan untuk tujuan analisa.

**Jadual 1.** Ujian kebolehpercayaan

Cronbach's Alpha	N of Items
.705	27

#### 4. Analisa dan Hasil Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan berkaitan demografi responden. Jadual 2 menunjukkan bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 5 orang lelaki (15.6%) dan 27 orang perempuan (84.4%).

**Jadual 2.** Pecahan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	5	15.6
Perempuan	27	84.4

Berdasarkan Jadual 3, hasil kajian menunjukkan majoriti responden berumur antara 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 22 orang (68.8%). Manakala, 9 orang (28.1%) berumur kurang daripada 30 tahun dan hanya seorang (3.1%) yang berumur 51 tahun ke atas.

**Jadual 3.** Pecahan responden mengikut umur

Umur	Kekerapan	Peratusan
30 tahun ke bawah	9	28.1
31-40 tahun	22	68.8
51 tahun ke atas	1	3.1

Jadual 4 menunjukkan bilangan responden mengikut status. Hasil kajian menunjukkan majoriti daripada responden telah berkahwin iaitu seramai 27 orang (84.4%) manakala selebihnya masih bujang.

**Jadual 4.** Pecahan responden mengikut status

Status	Kekerapan	Peratusan
Bujang	5	15.6
Berkahwin	27	84.4

Berdasarkan Jadual 5, hasil kajian menunjukkan seramai 17 orang (53.1%) responden telah berkhidmat selama 4 hingga 6 tahun. Seramai 6 orang (18.8%) masing-masing berkhidmat selama 7 hingga 9 tahun dan melebihi 10 tahun.

**Jadual 5.** Pecahan responden mengikut tempoh berkhidmat

Tempoh	Kekerapan	Peratusan
Kurang 3 tahun	3	9.4
4-6 tahun	17	53.1
7-9 tahun	6	18.8
Melebihi 10 tahun	6	18.8

Jadual 6 menunjukkan pecahan responden mengikut fakulti. Hasil kajian menunjukkan majoriti daripada responden terdiri daripada pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan iaitu seramai 12 orang (37.5%). Seterusnya diikuti oleh Fakulti Sains Komputer dan Matematik dan Fakulti Perakaunan masing-masing seramai 5 orang (15.6%). Seramai 4 orang (12.5%) responden terdiri daripada pensyarah ACIS dan 3 orang (9.4%) daripada Akademi Pengajian Bahasa. Hanya seorang responden (3.1%) daripada Fakulti Sains Gunaan.

**Jadual 6.** Pecahan responden mengikut fakulti

Fakulti	Kekerapan	Peratusan
ACIS	4	12.5
Akademi Pengajian Bahasa	3	9.4
Sains Gunaan	1	3.1
Perladangan dan Agroteknologi	2	6.3
Pengurusan Perniagaan	12	37.5
Sains Komputer dan Matematik	5	15.6
Perakaunan	5	15.6

Jadual 7 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai (*std deviation*) bagi menunjukkan tahap sahsiah dan tatasusila di kalangan pelajar menurut persepsi pensyarah. Persepsi pensyarah terhadap penampilan pelajar adalah min tertinggi 4.9141 ( $SD = 0.80475$ ). Manakala persepsi pensyarah terhadap sahsiah pelajar semasa di dalam kelas, min adalah 4.8056 ( $SD= 0.71620$ ). Seterusnya persepsi pensyarah terhadap sahsiah pelajar di luar kelas, min ialah 4.6313 ( $SD= 0.96133$ ). Bagi jumlah min 4.5313 ( $SD=0.82323$ ) adalah untuk persepsi pensyarah terhadap nilai hormat pelajar terhadap pensyarah. Ringkasnya keseluruhan pensyarah bersetuju bahawa pelajar UiTM Pahang masih mempunyai sahsiah dan tatasusila terhadap para pensyarah.

Namun begitu, keseluruhan min bagi peranan sahsiah dan tatasusila dalam melahirkan generasi yang cemerlang ialah 6.1953 ( $SD=0.67422$ ). Ini bermakna, kesemua pensyarah

bersetuju dan positif bahawa sahsiah dan tatususila pelajar UiTM Pahang penting dalam melahirkan generasi yang cemerlang.

**Jadual 7.** Analisa tahap min setiap bahagian

Item	Min	Sisihan Piawai
Persepsi pensyarah terhadap penampilan pelajar	4.9141	.80475
Persepsi pensyarah terhadap nilai hormat pelajar	4.5313	.82323
Persepsi pensyarah terhadap sahsiah pelajar semasa di dalam kelas	4.8056	.71620
Persepsi pensyarah terhadap sahsiah pelajar di luar kelas	4.6313	.96133
Peranan sahsiah dan tatususila dalam melahirkan generasi yang cemerlang	6.1953	.67422

## 5. Rumusan dan Cadangan

Sahsiah dan tatususila yang unggul dituntut dalam melahirkan generasi yang cemerlang terutama di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Ini kerana mereka adalah golongan yang terpelajar di kalangan generasi mereka yang boleh dijadikan contoh dan kayu ukur oleh rakan-rakan sebaya mereka, selain bertanggungjawab memikul amanah sebagai pewaris pemerintahan negara di masa hadapan.

Hasil kajian ini mendapati kebanyakan pelajar-pelajar UiTM Pahang mempunyai nilai sahsiah dan tatususila yang baik ditonjolkan menurut persepsi para pensyarah di UiTM Pahang. Antara faktor kemungkinan budaya ini sentiasa disemarakkan dan diingatkan oleh para pensyarah sendiri yang mengambil berat terhadap nilai-nilai sahsiah para pelajar. Namun begitu, usaha berterusan perlu untuk terus menerapkan budaya sahsiah dan tatususila yang cemerlang di kalangan para pelajar supaya mereka terus unggul di dalam pembentukan peribadi yang berkualiti.

Berdasarkan perbincangan dan rumusan hasil kajian, beberapa cadangan yang dijangka boleh memberi panduan dan manfaat kepada individu seperti pensyarah dan pelajar, universiti dan juga masyarakat sekeliling. Pengkaji mencadangkan agar kajian akan datang dapat dilanjutkan dengan meluaskan lagi populasi kajian melibatkan para mahasiswa daripada kampus cawangan atau institusi pengajian tinggi yang lain. Skop kajian juga boleh melihat kepada aspek yang lain seperti peranan pensyarah, ibu bapa atau universiti dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang.

Selain itu, kajian akan datang boleh dijalankan di kalangan para pelajar untuk melihat persepsi mereka terhadap sahsiah dan tatususila pensyarah sebagai salah satu usaha meningkatkan kualiti dan nilai hormat kepada pensyarah. Malah, pengkaji seterusnya juga boleh melihat hubungan di antara kualiti dan kebolehan pensyarah dengan prestasi pelajar atau universiti. Dengan ini diharapkan agar cadangan yang dikemukakan dapat memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam kajian ini serta kajian berikutnya dapat memberikan dapatan dan penemuan yang lebih mendalam dan berkesan untuk diaplikasikan oleh semua pihak yang terlibat.

## 6. Rujukan

- Cloninger, S. (2008). *Theories of personality: Understanding persons* (5<sup>th</sup> Edition). New Jersey: Pearson Education Inc.
- Mohamad, B., Suradin, A., & Khamisan, Z. H. (2008). Peranan pendidikan islam dan pendidikan moral dalam membina sahsiah pelajar berkualiti. *Persidangan Pembangunan*

- Pelajar Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia. Johor. 22-23 Oktober 2008.*
- Mohamad, N., & Esa, A. (2013). Pembangunan modal insan holistik pelajar menerusi aktiviti kokurikulum politeknik. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan*. Pulau Pinang. 11-12 November 2013.
- Nayan, S., Shafie, L. A., Mansor, M., Osman, M. I., & Osman, N. (2011). Nilai hormat di kalangan pelajar UiTM Perlis terhadap pensyarah (dari perspektif pensyarah). *Jurnal Intelek*, 6(1), 123-131.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2<sup>nd</sup> ed.). New York: McGraw-Hill.
- Ripin, M. N., Suratman, A., Awang, R., Syed Ahmad, S. M., & Haron, Z. (2006). *Kajian program bina sahsiah staf di IPTA: Kajian kes di UTM & USM*. Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial UTM.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (1993). *Asas-asas masyarakat cemerlang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.